



BUKU PELAN KESIAPSIAGAAN BANJIR MKAKB

2021/2022

PELAN PENGURUSAN BANJIR MKAKB 2021

Di sediakan oleh :

Dr. Nik Hazma Bt Nik Husain

Pegawai Perubatan & Kesihatan Pekerjaan UD54

En Mohd Ezzar Bin Zamri

Pegawai Sains C44 (Kimia Hayat)

Penasihat

Dr. Noor Hafizan Bt Mat Salleh

Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu

Alamat :

Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu

Lot 522 KM 10 Jalan Kuala Krai

16010 Kota Bharu Kelantan

Email : mkakb.moh@1govuc.gov.my

Telefon : 09-7138000

Faks : 09-7127115

September 2020

Kemaskini Oktober 2021

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENDAHULUAN	3
2.	OBJEKTIF	3
3.	SKOP	4
4.	PENGURUSAN BANJIR	4
5.	ORGANISASI PENGURUSAN BANJIR MKAKB	5
6.	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN BANJIR MKAKB	7
7.	AKTIVITI KESELURUHAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BANJIR	9
8.	LAPORAN	10
9.	KESIMPULAN	10
10.	RUJUKAN	10
11.	LAMPIRAN	11

1.0 PENDAHULUAN

Bencana ialah satu kejadian yang disebabkan oleh faktor alam atau manusia yang mengakibatkan kematian, kejadian penyakit, kemusnahan harta benda, alam sekitar dan menjaskankan kehidupan seharian.

Banjir merupakan satu bencana alam yang lazim melanda negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada bulan November hingga Januari setiap tahun.

Pelan Pengurusan Banjir (PPB) ini disediakan sebagai panduan dalam pengurusan banjir di peringkat MKAKB. PPB ini bertujuan agar tindakan-tindakan yang diambil sebelum, semasa dan selepas banjir dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur, terancang dan berkesan.

2.0 OBJEKTIF

- a. Menyediakan satu mekanisme pengurusan banjir secara menyeluruh dari aspek pengurusan kesihatan dan keselamatan kepada anggota MKAKB;
- b. Sebagai garis panduan dan rujukan kepada anggota yang bertugas semasa banjir;
- c. Memantau, menyelaras dan menyeragam segala aktiviti dan tindakan semasa dan selepas banjir;
- d. Pengurusan komunikasi secara efektif dan berkesan di semua peringkat.
- e. Pengurusan banjir secara efektif dan efisien;
- f. Penyimpanan data/maklumat (*record keeping*) berkaitan banjir untuk rujukan pada masa hadapan;

3.0 SKOP

PPB ini akan digunakan oleh semua pegawai dan anggota MKAKB berkenaan pengurusan banjir.

4.0 PENGURUSAN BANJIR

Pengurusan bencana dilaksanakan mengikut fasa kejadian banjir. Setiap fasa diambil tindakan mengikut tindakan-tindakan yang disarankan.

4.1 Pencegahan (*Preventive / Mitigation*)

Fasa ini melibatkan tindakan yang bertujuan untuk mencegah, meminimakan risiko dan mengurangkan impak atau *hazard* di sesuatu tempat atau lokasi.

4.2 Kesiapsagaan (*Preparedness*)

Fasa ini meliputi tindakan perancangan dan persediaan awal untuk memastikan kelincinan pengurusan banjir. Pelaksanaan termasuk pelan tindakan, garis panduan, infrastruktur dan sumber manusia termasuk kepakaran.

4.3 Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Plan*)

Fasa pengaktifan Pelan Pengurusan Banjir bergantung kepada arahan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

4.4 Pemulihan dan Pembangunan Semula (*Recovery/Rehabilitaion*)

Fasa ini adalah bagi memulihkan dan memastikan keselamatan anggota MKAKB yang terlibat banjir.

5.0 ORGANISASI PENGURUSAN BANJIR

Pengurusan banjir dikendalikan di peringkat:-

- i. Peringkat Negeri : Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK)
- ii. Peringkat MKAKB

5.1 Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Peringkat JKNK terdiri daripada pihak pengurusan atasan dan dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. Jawatankuasa ini diaktifkan serta-merta apabila berlaku banjir.

5.2 Peringkat MKAKB

Terma Rujukan Jawatankuasa Pengurusan Banjir, peringkat MKAKB :

- i. Memastikan arahan daripada Bilik gerakan Banjir JKNK dilaksanakan dengan segera;
- ii. Menyelaras dan melaksanakan Pelan Pengurusan Banjir di peringkat MKAKB;
- iii. Menjadi penghubung di antara Jawatankuasa Pengurusan Banjir MKAKB dengan Jawatankuasa Banjir Negeri;
- iv. Mengumpul, memantau dan mengemaskini semua maklumat anggota yang terlibat dengan banjir;
- v. Menyediakan laporan banjir kepada Pengarah MKAKB dan juga peringkat JK

5.3 JAWATANKUASA PENGURUSAN BANJIR PERINGKAT MKAKB

JAWATAN	AHLI JAWATANKUASA
Pengerusi	Dr. Noor Hafizan Bt Mat Salleh Pengarah MKAKB
Timbalan Pengerusi	Dr Nik Hazma Bt Nik Husain
Penyelaras Bilik Gerakan Banjir	En Mohd Ezzar Bin Zamri
Ketua Pasukan Petugas Kesihatan/Perubatan	Dr Suhana Bt Hashim
Pasukan 1 Petugas Kesihatan/ Perubatan	1. Dr Suhana Bt Hashim 2. Dr. Amanda Khalida binti Kamarul Wzaman 3. En. Mohd Sanusi Bin Che Lah 4. Nor Haslini Bt Hashim 5. Mohd Ar-Razim Bin Mohamed
Pasukan 1 Petugas Kesihatan/ Perubatan	1. Dr. Siti Nabilallhuda Bt Azmi 2. En Yuzi Zham Bin Yusof 3. Puan Syahizatul Akhma Bt Mohammad Ayob 4. Muhsin Bin Abdullah 5. Zulfikri Bin Zakaria

6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN BANJIR MKAKB

6.1 Pengerusi Pengurusan Banjir MKAKB

- i. Mempengerusi Jawatankuasa Pengurusan Banjir MKAKB;
- ii. Sebagai rujukan dan sumber maklumat utama untuk kejadian/keadaan banjir serta pengurusan banjir;

6.2 Timbalan Pengurusan Banjir MKAKB

- i. Memastikan semua unit dan jawatankuasa dalam keadaan kesiapsiagaan;
- ii. Menyelaraskan aktiviti perubatan dan kesihatan;
- iii. Memastikan bilik gerakan diselenggara mengikut masa yang ditetapkan;

6.3 Penyelaras Bilik Gerakan banjir MKAKB

- i. Bilik Gerakan Banjir MKAKB akan beroperasi setelah mendapat arahan daripada Bilik Gerakan Banjir JKNK. Antara tugas Bilik Gerakan Banjir MKAKB ialah :
- ii. Menyelenggara Bilik Gerakan Banjir dalam masa yang ditentukan;
- iii. Menerima dan menghantar maklumat banjir kepada Bilik Gerakan banjir Negeri (mengikut keperluan) ;
- iv. Menyelenggara dan mengemaskini rekod berkaitan pengurusan banjir;
- v. Merekod segala tindakan yang akan diambil;
- vi. Menyediakan jadual tugas (jika diperlukan);

6.4 Pasukan Perubatan Dan Kesihatan (PPK)

Terdapat dua (2) pasukan PPK ditubuhkan untuk bertugas semasa banjir. Antara tugas-tugas PPK ialah :

- i. Bertanggungjawab dalam keseluruhan perkhidmatan perubatan seperti rawatan kecemasan;
- ii. Menyediakan perkhidmatan perubatan kepada mangsa banjir;
- iii. Menjaga kesihatan dan kebajikan mangsa banjir;
- iv. Merujuk kes kecemasan kepada pihak tertentu atau hospital apabila perlu;
- v. Melaporkan kepada bilik gerakan aktiviti yang dijalankan;

7 AKTIVITI KESELURUHAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BANJIR

7.1 Sebelum Banjir

- i. Menyediakan jadual tugas anggota (jika diperlukan);
- ii. Memaklumkan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa banjir dan anggota MKAKB bagi menghadapi situasi banjir;
- iii. Membekukan cuti (jika diperlukan);
- iv. Memberi maklumbalas kepada Bilik Gerakan Banjir Negeri mengenai persiapan dan keperluan khas (jika berkaitan) serta memberi maklumat jawatankuasa yang terlibat semasa banjir;

7.2 Semasa Banjir

- i. Memastikan semua langkah/persiapan dapat dilaksanakan dengan baik;
- ii. Memantau keadaan penempatan sementara anggota MKAKB yang terlibat @ menjadi mangsa banjir dan menghantar maklumat ke Bilik Gerakan Banjir Negeri;

7.3 Selepas Banjir

- i. Mengenalpasti individu berisiko untuk masalah kesihatan mental selepas banjir (*stress post trauma/kemurungan*);
- ii. Merujuk segera individu yang dikenalpasti mengalami masalah kesihatan mental;

8 LAPORAN

Laporan harian pelaksanaan aktiviti dan statistik kes-kes mangsa banjir dilaporkan setiap hari menggunakan format laporan yang di sediakan dari CPRC Negeri.

9 KESIMPULAN

PPB ini digunakan sebagai panduan bagi pelaksanaan kejadian banjir di MKAKB. PPB menggariskan tindakan dan peranan MKAKB dalam pengurusan banjir.

10 RUJUKAN

- i. Garis Panduan Pengurusan Banjir 2008, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Garis Panduan Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC).
- iii. Garis Panduan Pengurusan Banjir Negeri Sabah.

11 LAMPIRAN**No telefon Bilik Gerakan Banjir MKAKB dan Jawatankuasa Terlibat**

AHLI JAWATANKUASA	JAWATAN	NO TELEFON
Pengerusi	Dr Noor Hafizan Bt Mat Salleh Pengarah MKAKB	012-820 9554
Timbalan Pengerusi	Dr Nik Hazma Bt Nik Husain	019-7629011
Penyelaras Bilik Gerakan Banjir MKAKB	En Mohd Ezzar Bin Zamri	017-969 1529
Ketua Pasukan Petugas Kesihatan/Perubatan	Dr Suhana Bt Hashim	012-955 5842
Pasukan Petugas Kesihatan/ Perubatan	Dr. Siti Nabilallhuda Bt Azmi	012-247 9220
	Dr. Amanda Khalida binti Kamarul Wzaman	017-341 5787
	En. Mohd Sanusi Bin Che Lah	019-922 6457
	Nor Haslini Bt Hashim	019-524 9145
	Mohd Ar-Razim Bin Mohamed	017-998 3120
	En Yuzi Zham Bin Yusof	019-988 3648
	Puan Syahizatul Akhma Bt Mohammad Ayob	010-982 6647
	Muhsin bin Abdullah	011-1194 0402
	Zulfikri Bin Zakaria	019-9371232

Anggota Terlibat Banjir

BIL	PERKARA	BILANGAN
1.	Jumlah keseluruhan anggota MKAKB	92
2.	Bil. Anggota yang biasa terlibat banjir	7
3.	Bil. Anggota dengan rumah dinaiki air semasa banjir.	2
4.	Bil. Anggota yang tidak dapat hadir bertugas kerana terputus hubungan semasa banjir	10